

'Tahanan ISA enggan tukar cara berfikir'

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan terdapat sebilangan besar tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang enggan menukar cara pemikiran dan meludah pegawai kerajaan yang ditugaskan mememui mereka.

Tahanan seperti ini, katanya, merbahaya kepada masyarakat sekiranya dibebaskan.

Oleh itu, Perdana Menteri meminta agar badan antarabangsa seperti Amnesty International yang sering mengecam dan menuduh Malaysia sebagai tidak berperikemanusiaan mengambil tahanan tersebut.

Katanya: "Badan yang tidak pernah berdosa dan tidak pernah pula melaku-

kukan sebarang kesalahan ini wajar mengambil tahanan "hard core" ini, serta membekikan mereka kerakyatan dan hak yang dimiliki oleh rakyat di negaranya.

"Tetapi tahanan ini tidak seharusnya dibenarkan kembali ke sini kerana Malaysia tidak mahukan mereka."

Kenyataan Perdana Menteri ini mengukuhkan lagi tawaran Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, mengenai tahanan yang sama, beberapa hari lalu.

Beliau berpendapat, usaha mengambil orang tahanan itu lebih wajar dari mengutus telegram dan membuat kritikan terhadap Malaysia yang kononnya tidak demokratik.

Manerusi tawaran ini, tegas Perdana Menteri, Malaysia cuba melakukan satu perkara yang baik kepada tahanan itu kerana walaupun kerajaan tidak gemar menahan seseorang, tetapi penahanan terpaksa dilakukan kerana jika mereka bebas, mereka akan memudaratkan masyarakat keseluruhannya.

Tahanan ISA ini, katanya, berpendapat, seseorang individu "berdaulat" dalam sistem negara ini, tetapi yang sebenarnya, masyarakat yang perlu dilindungi dari sebarang ancaman, itulah yang "berdaulat" dalam sistem demokrasi.

Perdana Menteri juga mengecam golongan di negara ini yang menyuarakan nasib tahanan ISA semata-mata untuk kepentingan politik.

"Saya tidak berminat terhadap semua ini," katanya. Walaupun beliau tidak menamakan golongan itu, tetapi jelasnya adalah dari DAP.

Menurut Perdana Menteri lagi, tahanan ISA yang menerima simpati golongan yang mengecam Malaysia sebagai tidak demokratik sepatutnya gembira dan bebas di dunia luas.

Siri 2356
Penerimaan 150/85